

150,000 dijangka sertai SSPN

KUALA TERENGGANU 16 Jan. – Seramai 150,000 penyimpan baru dijangka menyertai Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) yang melibatkan simpanan berjumlah kira-kira RM150 juta.

Pengerusi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Datuk Razali Ismail berkata, pada tahun lalu, seramai 118,000 penyimpan baru menyimpan dalam SSPN dengan simpanan sebanyak RM47.5 juta manakala pada bulan Disember sahaja SSPN berjaya menarik 60,000 penyimpan baru dengan nilai simpanan berjumlah RM12 juta.

Katanya, peningkatan yang amat ketara itu menunjukkan ibu bapa telah memberi perhatian terhadap simpanan jangka masa panjang anak-anak sebagai persiapan untuk melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

“Selain itu usaha dan kempen yang berterusan yang dilakukan oleh SSPN sehingga ke kawasan pedalaman bagi memaklumkan mengenai faedah menyimpan dalam SSPN,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Kecemerlangan Pendidikan Pelajar Bagi Anak Yatim Kawasan Parlimen Kuala Terengganu di Sekolah Menengah Sultan Ahmad di sini, hari ini.

Pada majlis itu, PTPTN menyampaikan sumbangan berbentuk akaun simpanan SSPN sebanyak RM100 seorang kepada 260 pelajar anak yatim yang keseluruhannya berjumlah RM26,000.

Pinjaman

Razali yang juga Ahli Parlimen Kuala Terengganu berkata, mulai tahun ini PTPTN juga telah menetapkan pelajar yang ingin membuat pinjaman dengan PTPTN perlu mempunyai buku akaun SSPN.

Menurut beliau, SSPN diperkenalkan pada 2004 dan sehingga akhir tahun lalu SSPN berjaya menarik seramai 201,000 penyimpan dengan jumlah simpanan sebanyak RM70.5 juta.

Katanya, banyak kemudahan yang dinikmati oleh penyimpan termasuk geran sempadan terutama kepada keluarga yang berpendapatan kurang RM2,000 sebulan, dilindungi insurans serta diberi pampasan khairat atau kematian.

“Bagi memudahkan orang ramai menyimpan atau membuat simpanan sekurang-kurangnya RM20, SSPN melantik ejen kutipan yang terdiri daripada Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Bank Pertanian Malaysia, Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat dan terbaru Maybank,” ujar beliau.

Mengenai pinjaman PTPTN, Razali berkata, beberapa kaedah telah diperkenalkan bagi memastikan hutang peminjam dapat dikutip termasuk mengenakan tindakan disiplin terutama kepada kakitangan kerajaan yang ingkar membayar tunggakan dan ia telah dipersetujui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Selain itu, katanya, PTPTN juga telah bekerjasama dengan Jabatan Imigresen untuk menahan peminjam daripada ke luar negara serta dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi membolehkan mereka yang terlibat diisytiharkan sebagai bankrap.

Menurut Razali, PTPTN terpaksa memperuntukkan kira-kira RM2 billion setiap tahun bagi memberi pinjaman kepada kira-kira 170,000 pelajar baru setiap tahun.